

Garis Panduan ASEAN untuk


Pelaburan yang Bertanggungjawab Dalam Sektor Makanan, Pertanian dan Perhutanan







Garis Panduan ASEAN untuk Pelaburan yang Bertanggungjawab dalam Sektor Makanan, Pertanian dan Perhutanan telah dibangunkan melalui satu proses inklusif yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dengan sokongan daripada Sekretariat ASEAN, Grow Asia, Agensi Swiss untuk Pembangunan dan Kerjasama (SDC), Dana Amanah Bank Dunia serta Institut Antarabangsa untuk Pembangunan Lestari (IISD).



Untuk maklumat lanjut,
sila layari www.aseanraiguidelines.org





Pertanian akan terus menarik pelaburan asing dan tempatan, terutamanya di kalangan negara membangun disebabkan oleh peningkatan permintaan terhadap makanan yang berpunca daripada pertumbuhan populasi, peningkatan pendapatan dan urbanisasi di ASEAN.

Pelaburan Pertanian yang Bertanggungjawab di ASEAN

Garis Panduan ASEAN untuk Pelaburan yang Bertanggungjawab dalam Sektor Makanan, Pertanian dan Perhutanan¹ (MPP) adalah hasil inspirasi dan cetusan Jawatankuasa Prinsip Jaminan Makanan Sedunia untuk Pelaburan yang Bertanggungjawab dalam Pertanian dan Sistem Makanan (CFS-RAI). Garis Panduan ini dirangka untuk kerajaan Negara Anggota ASEAN dan bisa disesuaikan dengan cabaran khusus kumpulan, yang memainkan peranan utama dan bertanggungjawab untuk pihak berkepentingan selain kerajaan, termasuklah pihak swasta berskala besar. Garis Panduan ini juga diinspirasikan oleh Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan telah dirujuk kepada mereka untuk maklumat yang berkaitan. Garis Panduan ini adalah bersifat sukarela.

Matlamat utama Garis Panduan ini adalah untuk mempromosikan pelaburan dalam makanan, pertanian dan perhutanan di rantau ASEAN yang bisa menyumbang kepada pembangunan ekonomi, jaminan makanan dan nutrisi, keselamatan makanan dan manfaat pengagihan secara saksama, serta penggunaan sumber semula jadi secara lestari. Objektif lain adalah:

Mewujudkan keadaan yang menggalakkan pelaburan yang bertanggungjawab dalam sektor Makanan, Pertanian dan Perhutanan (MPP) menerusi dasar dan rangka kerja pengawalseliaan yang telus secara nasional serta pendekatan yang lebih fokus merentasi ASEAN.

Menekankan keseimbangan di antara kepentingan - termasuk memperkukuh kapasiti pihak berkepentingan, meminta pelabur untuk memenuhi kewajipan mereka secara kontraktual dan mencipta instrumen serta kaedah untuk kerjasama yang lebih erat – bagi menyokong matlamat utama garis panduan.

Menyediakan rangka kerja untuk memandu AMS, pelabur besar dan kecil, serta pihak-pihak lain dalam pembangunan pelaburan pertanian dan rantaian nilai yang bertanggungjawab dan lestari di rantau ini.

Mewujudkan satu set kepentingan yang akan menjadi rujukan untuk membuat keputusan, tingkah laku serta tindakan sepanjang tempoh masa sederhana dan panjang.

¹ Pada September 2017, Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan (AMAF) ASEAN telah bersetuju untuk membangunkan Panduan ASEAN untuk menggalakkan Pelaburan yang Bermakna dalam Makanan, Pertanian dan Perhutanan ("Garis Panduan") dalam mesyuarat tahunan kali-39. Pada Oktober 2017, ASEAN Sekretariat (ASEC) telah menghubungi Pembangunan Asia untuk mendapatkan kepakaran, pembiayaan dan membawa pelbagai pendapat untuk membangunkan Garis Panduan terutamanya dikalangan pihak swasta. Dana projek ini telah dikumpulkan oleh Agensi Swiss untuk Pembangunan dan Kerjasama (SDC), Dana Amanah Bank Dunia, dan kepakaran telah dibawa terutamanya daripada Institut Antarabangsa untuk Pembangunan Lestari (IISD) Geneva.

Apakah Garis Panduan yang hendak dicapai untuk kerajaan

Garis Panduan 1



Menyumbang kepada jaminan makanan, keselamatan makanan dan nutrisi yang lebih baik dengan:

- Menghormati hak untuk bebas daripada kebuluran.
- Meneruskan SDG 2 (mengakhiri kebuluran) dan matlamat ASEAN yang berkaitan.
- Menjamin bekalan makanan yang berpatutan, selamat dan bernutrisi secara lestari.
- Menghormati hak petani untuk kepelbagaian benih pertanian.

Untuk mencapai semua ini, pertimbangkan:

- Menyediakan persekitaran yang membolehkan pelaburan yang bertanggungjawab.
- Membangunkan rancangan bagi sektor makanan, pertanian dan perhutanan (MPP) dan strategi jaminan makanan.
- Menyokong program pertahanan makanan dan kemitraan awam-swasta (PPPs).
- Membangunkan pembiayaan kewangan luar bandar untuk menambah baik akses pasaran dan infrastruktur.
- Memantau kesan pelaburan terhadap jaminan makanan.

Garis Panduan 2



Menyumbang kepada kelestarian, pembangunan ekonomi yang saksama dan inklusif, serta membanteras kemiskinan melalui:

- Menggalakkan pembangunan secara saksama yang mengurangkan kemiskinan dan menyokong kesaksamaan jantina.
- Mewujudkan peluang pekerjaan dan kehidupan yang sesuai, selamat dan lestari.
- Menyokong penambahbaikan kualiti dan pematuhan piawaian untuk pekebun kecil.
- Memastikan keseimbangan, komitmen kontraktual yang boleh dikuatkuasakan di antara pelabur dan negara tuan rumah.
- Mendapatkan kontrak yang lebih adil dan telus di antara pembeli dan pembekal.
- Menghormati dan menggalakkan kehidupan hutan yang lestari.

Untuk mencapai semua ini, pertimbangkan:

- Menerapkan komitmen pelabur secara kontraktual untuk pembangunan perniagaan tempatan dan latihan.
- Meneroka alternatif untuk pengambilan tanah konsesi berskala besar, seperti ladang kontrak inklusif.
- Memperkenalkan strategi penglibatan komuniti dalam kontrak pelabur-negara.
- Membangunkan kontrak yang lebih baik dan meningkatkan kesedaran tentang hak kontraktual dan pematuhan.
- Meningkatkan penglibatan pekebun kecil dan pengguna dalam polisi pelaburan dan pembuatan keputusan.
- Membangunkan strategi inklusif untuk wanita dan golongan yang terpinggir dalam projek pelaburan.
- Mewujudkan kewangan mikro, kredit luar bandar, hubungan pasaran dan program pembangunan perusahaan kecil.

Garis Panduan 3



Menyumbang kepada kesaksamaan, penglibatan dan pemerkasaan golongan wanita, belia, orang asli dan kumpulan terpinggir melalui:

- Menyokong akses yang saksama untuk mendapatkan peluang dan melindungi hak asasi manusia.
- Mengiktiraf sumbangan wanita dan belia serta kepentingannya kepada sektor MPP.
- Mengenalpasti peranan berpusat MPP dalam mempromosi model perniagaan inklusif untuk memastikan akses kepada peluang pekerjaan dan keusahawanan.
- Meningkatkan akses kepada tanah, sumber, perkhidmatan, pendidikan, pasaran dan maklumat.
- Menangani peningkatan ancaman yang disebabkan oleh kesan bencana alam dan perubahan iklim.
- Memastikan penyertaan yang bermakna dalam membuat keputusan, kepimpinanan dan kerjasama.

Untuk mencapai semua ini, pertimbangkan:

- Meningkatkan akses wanita kepada pendidikan, mendapatkan ganti rugi dan hak untuk bersatu.
- Menyediakan perkhidmatan pembangunan yang peka jantina kepada pekebun kecil dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).
- Mengenalpasti peranan utama wanita dalam keluarga dan jaminan makanan komuniti.
- Menyediakan perkongsian dan rangkaian hubungan di antara organisasi masyarakat sivil golongan petani, orang asli dan koperasi wanita.
- Memastikan akses golongan belia kepada sumber dan peluang pasaran.

Garis Panduan 4



Menghormati hak pemegangan tanah, perikanan, perhutanan serta akses untuk mendapatkan air melalui:

- Menghormati hak pemegang tanah sah dan hak orang asli dan masyarakat tempatan sebelum pemakluman persetujuan (FPIC).
- Menilai impak sosial daripada aktiviti pelaburan terhadap hak pemegang tanah sah.
- Memainkan peranan untuk mengelakkan perpindahan dan penempatan semula kesemua hak pemegang tanah sah.

Untuk mencapai semua ini, pertimbangkan:

- Memperkukuhkan undang-undang dan polisi tanah serta sistem yang adil dan telus untuk hak pemegangan.
- Menyelaraskan status tanah bersama, perkongsian dan individu.
- Meningkatkan kesedaran tentang hak pegangan dan kapasiti perundingan di kalangan komuniti.
- Membina kesedaran dan pematuhan terhadap VGGT.²
- Meminimumkan sebarang penempatan semula yang tidak boleh dielakkan dan mengurangkan impak negatif yang berkaitan.

²VGGT merujuk kepada Garis Panduan Sukarela terhadap Pentadbiran Pegangan tanah, Perikanan dan Perhutanan yang bertanggungjawab dalam konteks Jaminan Makanan Kebangsaan.




Garis Panduan 5

Menyumbang kepada pemuliharaan dan pengurusan lestari sumber semula jadi, terutamanya hutan, melalui:

- Mencegah, meminima dan memulihara impak negatif terhadap sumber semula jadi.
- Menyokong amalan pengurusan hutan lestari.
- Mengenalpasti nilai ekonomi, sosial, budaya dan ekologi hutan.
- Mengimbangi ekonomi, pemuliharaan dan keperluan komuniti dan orang asli.
- Menyokong pemerolehan lestari dan persekitaran serta pensijilan sosial untuk produk MPP.
- Meningkatkan kecekapan pengeluaran dan penggunaan sisa buangan dan produk sampingan.
- Menggalakkan penggunaan secara lestari.
- Memastikan perancangan, pengurusan dan pentadbiran sumber asli yang teguh.

Untuk mencapai semua ini, pertimbangkan:

- Menyokong sistem pengurusan sumber semula jadi yang kompresif.
- Menguruskan air secara adil dan efisien.
- Memastikan akses air adalah selari dengan keperluan hak asasi manusia.
- Membangunkan rancangan hutan negara yang secara jelas menangani isu-isu pelaburan.
- Menyokong pengurusan hutan dengan proses tidak berpusat dan pengagihan kuasa.
- Menyelaras koordinasi di antara kementerian, penetapan piawaian, perancangan dan pemantauan.
- Menggalakkan mata pencarian alternatif dalam kawasan berhutan.




Garis Panduan 6

Menyokong teknologi yang lestari dan sesuai serta amalan sumber yang efisien, produktif dan selamat bagi sistem MPP, melalui:

- Melabur dalam infrastruktur penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan kapasiti manusia, serta memupuk semangat 'dari makmal ke lapangan'.
- Melaksanakan polisi untuk pembangunan teknologi, pengkomersilan dan pengedaran.
- Menggalakkan kerjasama dan koordinasi di antara AMS untuk R&D.
- Memanfaatkan pelaburan sektor swasta dalam inovasi melalui kemitraan awam-swasta (PPP) yang strategik.
- Menyokong model perniagaan inklusif untuk menggalakkan pemindahan teknologi.
- Memperkukuhkan forum pelbagai pihak berkepentingan untuk pertukaran maklumat, inovasi dan perkongsian pengetahuan.
- Mengenalpasti dan menghormati pengetahuan tradisional dan hak harta intelektual yang berkaitan.

Hasrat ini boleh dicapai dengan:

- Membangunkan kemahiran dalam teknologi pengkomersilan dan kemitraan awam-swasta (PPP).
- Mewujudkan sistem inovasi yang melibatkan kerajaan, organisasi bukan kerajaan (NGO), sektor swasta dan pekebun kecil.
- Membiayai pemerolehan awal teknologi bagi pekebun kecil dan SME.
- Membangunkan proses untuk menyaring dan memilih pelaburan yang memastikan penggunaan teknologi lestari.
- Menyediakan perniagaan dan sokongan teknikal khusus untuk tanaman kepada pekebun kecil.
- Menghubungkan institut penyelidikan pertanian dan teknologi NGO.
- Mewujudkan persekitaran yang membolehkan teknologi pertanian dan pemindahan teknologi kemitraan awam-swasta (PPP).
- Menyediakan rangka kerja perundangan dan polisi yang efektif untuk hak harta intelektual.



Garis Panduan 7

Meningkatkan daya tahan dalam menghadapi perubahan iklim, bencana alam, dan malapetaka yang lain, sementara menyumbang kepada mitigasi dan adaptasi perubahan iklim melalui:

- Mengenalpasti potensi MPP untuk menyumbang kepada mitigasi dan adaptasi perubahan iklim.
- Membangunkan, menguji dan meningkatkan tindakan terhadap adaptasi iklim.
- Mempromosi produk risiko kepada pekebum kecil dan SME untuk perubahan iklim dan bencana alam.
- Menghormati pengetahuan dan amalan asli serta tradisi dalam adaptasi iklim.
- Memberi tumpuan kepada golongan wanita, belia, terpinggir yang lebih terdedah kepada ancaman perubahan iklim.

Hasrat ini boleh dicapai dengan:

- Meningkatkan dana untuk penyelidikan, perkhidmatan pengembangan dan teknologi yang berkaitan perubahan iklim.
- Membangunkan rangka kerja perundangan dan polisi untuk produk insuran iklim yang inovatif.
- Mengenalpasti langkah untuk menangani bidang tindakan iklim yang khusus dalam konteks projek pelaburan.



Garis Panduan 8

Menghormati undang-undang dan menggabungkan struktur pentadbiran, proses dan mekanisma rungutan secara inklusif dan telus melalui:

- Mematuhi undang-undang kebangsaan dengan patuh.
- Membanteras amalan penyalahgunaan kuasa dan rasuah.
- Berkongsi maklumat yang relevan berkenaan pelaburan secara proaktif dan inklusif.
- Menyediakan akses untuk mekanisma perbicaraan, rungutan dan penyelesaian pertikaian.
- Menangani isu tanah pusaka.
- Perundingan yang bermakna dan responsif bagi memastikan penyertaan yang aktif, bebas, efektif dan berpengetahuan.
- Mewujudkan persekitaran perundangan dan polisi yang telus, tegas dan lebih fokus.

Hasrat ini boleh dicapai dengan:

- Mewujudkan garis panduan berkala yang mempamerkan maklumat yang relevan, tepat, terkini dan boleh diakses.
- Memperkukuhkan akses perkhidmatan dan bantuan perundangan untuk komuniti tempatan dan orang asli secara percuma.
- Memantau perundangan, perbincangan dan rungutan ganti rugi di kalangan komuniti-pelabur.
- Memastikan akses kepada sistem kehakiman yang efektif dan mampu bayar serta kaedah yang lain.
- Memastikan penyertaan yang bermakna oleh pihak berkepentingan dalam membuat polisi pelaburan.
- Meningkatkan koordinasi dan komunikasi merentasi kerajaan.
- Mempromosikan hak sama rata akses kepada maklumat, perkhidmatan, insentif dan sumber.
- Memastikan penguatkuasaan yang tidak mendiskriminasikan undang-undang dan peraturan.



Garis Panduan 9

Menilai dan menangani impak pelaburan MPP yang bertanggungjawab dan mempromosi akauntabiliti melalui:

- Mendapatkan penilaian impak yang telus dan bebas.
- Menetapkan data asas dan petunjuk untuk memantau dan menilai impak secara inklusif.
- Menyaring pelaburan yang selaras dengan keutamaan pembangunan dan keperluan komuniti.
- Mengenalpasti langkah pengurangan impak untuk menangani kesan negatif.
- Memastikan penilaian boleh diperolehi dan diakses oleh orang awam.
- Menilai perubahan secara berterusan dan menyampaikan hasil keputusan pihak berkepentingan.
- Melaksanakan kaedah ganjaran dan/ atau pampasan yang efektif untuk kesan negatif.

Hasrat ini boleh dicapai dengan:

- Memperkukuh perlaksanaan peraturan penilaian impak.
- Menginterasi hasil penilaian impak ke dalam rancangan pengurusan.
- Memantau dan mengkaji semula impak secara berterusan dan melibatkan semua pihak berkepentingan di dalam proses tersebut.
- Menerbitkan hasil aktiviti pemantauan secara terbuka.
- Merancang proses saringan yang efektif dan efisien untuk pelabur berskala besar.



Garis Panduan 10

Memperkukuh pendekatan serantau untuk pelaburan bertanggungjawab MPP di ASEAN melalui:

- Mengharmonikan standard, peraturan dan pendekatan selain memberi kelonggaran.
- Mempromosikan 'berlumba ke puncak' melalui pemberian insentif untuk amalan perniagaan yang bertanggungjawab.
- Berkerjasama dalam pembinaan kapasiti dan rangkaian bagi perkongsian maklumat dan meningkatkan piawaian serantau.

Hasrat ini boleh dicapai dengan:

- Mewujudkan pendekatan yang boleh dikongsi bersama untuk mempromosi dan memudahkan pelaburan MPP.
- Mempromosikan bantuan antara rantau, perkongsian pengalaman dan pembinaan kapasiti.
- Menerapkan amalan baik dan standard antarabangsa di peringkat serantau.
- Mempromosi kerjasama dua hala di antara negara asal dan tuan rumah untuk memantau pelaburan bersama-sama.

Peranan dan Tanggungjawab untuk Pihak Berkepentingan Lain

Terdapat peranan dan tanggungjawab penting bagi semua pihak berkepentingan dalam MPP, khususnya, perniagaantani dan pelabur berskala besar, termasuk pekebun kecil, koperasi, PKS, komuniti, organisasi masyarakat sivil dan institusi kewangan.

Memastikan bahawa pelaburan menyokong ketersediaan dan kepelbagaian makanan tempatan melalui:

- Menilai impak projek terhadap jaminan bekalan makanan tempatan dan mengurangkan sebarang kesan buruk.
- Menangani jaminan bekalan makanan semasa perundingan komuniti.
- Menyediakan pekerjaan yang baik, stabil dan gaji yang lumayan serta bayaran yang berpatutan.

Menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang inklusif, saksama dan lestari melalui:

- Membantu perniagaan tempatan untuk mencapai standard kualiti dan prestasi yang tinggi.
- Memupuk keusahawanan tempatan.
- Mengurangkan impak negatif disebabkan harga dan pasaran terhadap pekebun kecil.

Menyokong penyertaan wanita dalam membuat keputusan, pekerjaan yang bermakna pemerksaan ekonomi melalui:

- Mempromosikan secara aktif penyertaan wanita.
- Membina saluran pelbagai bakat di semua peringkat.
- Mengamalkan anti-diskriminasi dan dasar serta latihan gangguan.



Membantu golongan belia mengasah kemahiran yang diperlukan untuk diintegrasikan ke dalam sektor MPP melalui:

- Menawarkan latihan, latihan industri, program mentor, biasiswa dan pinjaman.
- Menyasarkan golongan belia untuk melibatkan diri dalam program ladang kontrak.
- Menyokong keusahawanan belia.
- Berkerjasama dengan organisasi masyarakat sivil (CSO) yang menyokong pemerkasaan golongan belia.

Menghormati pemegangan tanah, perikanan dan perhutanan oleh komuniti tempatan melalui:

- Mengenalpasti dan mengkaji konteks tempatan dan sistem pemegangan.
- Berunding secara terus dengan pemegang tanah sah.
- Mengelakkan pemindahan dan penempatan semula.
- Memastikan penempatan semula memenuhi amalan standard antarabangsa sekiranya penempatan semula tidak dapat dielakkan.
- Memastikan persetujuan yang bermakna daripada komuniti, aktif, bebas, efektif dan bermakna dalam membuat keputusan yang melibatkan sumber.
- Mengkaji semula tatacara untuk tanah 'tersedia' bagi memastikan standard antarabangsa dipenuhi.

Menghormati akses komuniti tempatan untuk mendapatkan air melalui:

- Menekankan impak potensi akses air dan kualiti dalam perundingan inklusif.
- Menggunakan penilaian impak alam sekitar dan sosial serta rancangan pengurusan.
- Memastikan impak positif yang lestari untuk akses air komuniti.

Menyokong penjaanaan dan penyaluran teknologi serta amalan lestari melalui:

- Mengenalpasti cabaran untuk teknologi yang lebih baik dan membantu pekebut kecil dan SME untuk menanganinya.
- Memastikan proses membuat keputusan teknologi yang inklusif.
- Melabur lebih banyak dalam sokongan teknikal selepas jualan dan program pengawasan produk.
- Melatih pengeluar tempatan untuk mempamer dan menyebarkan teknologi.
- Menyediakan perkhidmatan untuk menyokong penerapan teknologi, seperti kewangan dan sokongan teknologi.
- Melabur dalam kapasiti R&D tempatan.

Memainkan peranan dalam peningkatan daya tahan, mitigasi dan adaptasi terhadap perubahan iklim, bencana alam, dan malapetaka lain, termasuk melalui:

- Menyokong penyelidikan melalui penyertaan dalam kemitraan awam-swasta (PPP).
- Menggunakan rangkaian perniagaan untuk membantu mempertingkatkan amalan baik iklim.
- Menyokong komuniti dalam mengamalkan mitigasi dan adaptasi terhadap perubahan iklim
- Mengelakkan amalan perniagaan yang boleh memburukkan perubahan iklim.

Mempromosikan penglibatan dan akauntabiliti komuniti yang bermakna, melalui:

- Memahami konteks komuniti tempatan, demografi dan kuasa dinamik.
- Mewujudkan komunikasi yang efektif, telus dan dipercayai dalam komuniti.
- Mendedahkan secara aktif semua maklumat yang relevan secara terang dan dengan cara yang mudah difahami.
- Melatih pekerja berurusan dengan hormat dan sensitif dengan ahli komuniti.

- Menubuhkan jawatankuasa perunding, mekanisma penyelesaian rungutan yang telus dan disebarakan kepada umum.

Menilai secara efektif, menangani dan memantau kesan pelaburan projek melalui:

- Menilai impak alam sekitar dan sosial serta menerapkan pertimbangan ke dalam reka bentuk projek.
- Memantau prestasi alam sekitar dan sosial secara berterusan.
- Menggunakan sistem pengurusan maklumat dan teknologi untuk memantau dan merekodkan sebarang kesan.
- Memantau dan mengurangkan impak kemalangan, kecederaan dan kesihatan terhadap pekerja.
- Menggunakan badan persijilan bebas untuk menyemak pematuhan amalan baik.

Menyumbang kepada pengukuhan pendekatan yang diambil oleh negara serantau untuk pelaburan yang bertanggungjawab dalam MPP di ASEAN, termasuk melalui:

- Menyertai organisasi MPP serantau dan antarabangsa.
- Menilai dan mengurangkan impak negatif merentasi sempadan yang wujud daripada projek.





Pekebun kecil dan SME boleh membantu dan menyokong pelaksanaan Garis Panduan dengan cara:

- Mengambil peluang untuk perkongsian maklumat, teknologi dan pertukaran pengetahuan.
- Terlibat dengan pembangunan perniagaan dan program latihan.
- Memastikan koperasi pengeluar dan rangkaian SME yang kukuh dan inklusif.
- Mempraktikkan Garis Panduan sebanyak yang mungkin untuk pelabur besar.



Komuniti boleh membantu dan menyokong pelaksanaan Garis Panduan dengan cara:

- Menggunakan badan perwakilan untuk melibatkan diri dengan pelabur dan mempromosikan hak secara inklusif.
- Memeterai perjanjian dengan pelabur tentang bagaimana hubungan tersebut akan dilaksanakan.
- Menganjurkan forum komuniti untuk membuat keputusan dan berkongsi maklumat.
- Menyertai latihan komuniti dan program pembangunan kapasiti.
- Menyertai perundingan dan pemantauan berdasarkan komuniti secara aktif.
- Berkongsi pengetahuan asli dan amalan tradisional dalam mengadaptasi perubahan iklim.



Organisasi masyarakat sivil boleh membantu dan menyokong pelaksanaan Garis Panduan dengan cara:

- Mempertimbangkan dan melaksanakan Garis Panduan dalam aliran kerja dan program mereka.
- Membantu negara dari segi aspek pelaksanaan Garis Panduan.



- Berkerjasama dengan pihak berkepentingan untuk menyokong pelaksanaan Garis Panduan di peringkat bawahan.
- Menggunakan Garis Panduan untuk kempen, pendidikan dan sebarang aktiviti sokongan.
- Menyokong komuniti dengan latihan dan program pembangunan kapasiti.



Sektor Kewangan boleh membantu dan menyokong pelaksanaan Garis Panduan dengan cara:

- Membangunkan insuran iklim dan produk kewangan lain untuk pekebun kecil.
- Menggunakan teknologi kewangan inovatif untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan.
- Membiayai pelaburan yang menerapkan prinsip-prinsip dalam Garis Panduan.



Pelabur ASM negara tuan rumah boleh membantu dan menyokong pelaksanaan Garis Panduan dengan cara:

- Menghormati hak negara tuan rumah untuk mendapatkan makanan apabila melabur untuk mengeksport kembali makanan ke negara asal.
- Membina kerjasama untuk mempromosikan pelaburan lestari.
- Memberi insentif yang sesuai dan bertanggungjawab untuk menggalakkan pelaburan lestari.
- Membuat penyelarasan dengan negara tuan rumah untuk melaksanakan projek pelaburan.
- Mengawal aktiviti perniagaan pelabur luar.



